

Suami tidak bertanggungjawab: Isteri berhak bubar perkahwinan

Oleh AU YEONG HOW
yeonghow@thestar.com.my

MENJADI kewajipan bagi seorang lelaki beragama Islam yang bergelar suami untuk menyediakan kemudahan tempat tinggal, makan dan minum serta apa yang wajib diberikan kepada isteri serta anak-anaknya.

Menurut Peguam Syarie, Datuk Khairul Anwar Rahmat, pemberian nafkah tersebut adalah selaras dengan kemampuan suami serta adat dan budaya sesuatu tempat.

"Contohnya, kalau menjadi amalan makan tiga kali sehari di sesuatu tempat, maka suami haruslah menyediakan makan tiga kali sehari kepada isterinya.

"Kalau di Arab, sajian yang menjadi makanan utama ialah kambing, jadi suami yang mampu haruslah menyediakan kambing," katanya kepada *Mingguan mStar*.

Khairul berkata, perundangan menetapkan suami perlu memberikan nafkah kepada anak lelaki sehingga berusia 18 tahun manakala anak perempuan

pula menerimanya sehingga dia berkahwin.

Sekiranya suami tidak menunaikan tanggungjawabnya, katanya, isteri boleh memohon membubarkan perkahwinan berdasarkan Seksyen 53 Enakmen Keluarga Undang-undang Selangor.

"Tetapi ramai wanita tidak mengetahui hak mereka apatah lagi bekas suami tidak bayar nafkah," katanya.

Jelas beliau lagi, isteri mungkin keliru adakah nafkah tersebut ialah nafkah dalam perkahwinan atau nafkah selepas bercerai sedangkan hakikatnya, nafkah itu harus diberikan kepada kedua-dua isteri dan anak-anak.

Sementara itu, Khairul memberitahu, suami perlu memberikan nafkah edah kepada isterinya selama tiga bulan selepas perceraian. Selepas itu, anak dapat pula akan mendapat nafkah sehingga mencapai umur dewasa.

"Misalnya, jika seorang anak mendapat nafkah sebanyak RM500 sebulan, tiga anak akan mendapat RM1,500. Ini kerana hubungan



KHAIRUL ANWAR RAHMAT

anak dan bapa tidak pernah terputus," katanya. Sekiranya suami tidak setuju dengan jumlah nafkah, katanya, maka dia boleh membawanya ke mahkamah.

Bagaimanakah cara-caranya?

- Failkan tuntutan nafkah di mana-mana mahkamah yang mempunyai bidang kuasa.
- Hendaklah sertakan maklumat suami seperti alamat tempat tinggal

dan tempat kerja suami.

- Suami terima satu salinan borang dan perlu isi borang jawapan berkenaan tentang tuntutan isteri.

Seterusnya, suami akan mendapat satu tarikh untuk bertemu dengan pegawai pendaftar di mahkamah. Suami ditanya setuju atau tidak.

Jika setuju, dia mestilah akur dalam tempoh yang ditetapkan. Jika tidak setuju atau tidak mampu, suami perlu mengemukakan alasan wajar/ komitmen / tanggungan lain yang perlu ditanggung dan sertakan apakah jumlahnya dia sanggup bayar. Mahkamah kemudiannya membicarakan kes itu dan membuat keputusan.

Jika suami enggan bayar, maka dia bakal menghadapi tindakan berikut:

- (a) Perintah penyitaan dan penjualan
- Mahkamah boleh merampas dan menjual harta alih penghutang

penghakiman (suami) itu dan memberikan hasil jualan harta tersebut kepada anak-anak sebagai bayaran nafkah.

- (b) Prosiding garnisemen
- Mahkamah akan menahan harta alih kepunyaan suami yang berada dalam pemilikan atau kawalan pihak ketiga, atau hutang yang perlu dibayar oleh pihak ketiga tersebut kepada suami, dan hasilnya akan diberikan sebagai bayaran nafkah anak-anak.

- (c) Perintah pengkomitan
- Mahkamah akan merampas dan menyerah kepada pemiutang penghakiman (isteri) mana-mana barang yang diperintahkan supaya diserahkan oleh suami kepada isteri sebagai bayaran nafkah anak-anak.

- (d) Perintah penahanan pendapatan
- Mahkamah akan menahan pendapatan suami. Ini bagi membolehkan anak-anak mendapat nafkah terus dari pemotongan gaji tersebut.

NAFKAH boleh dipecahkan kepada dua kategori iaitu nafkah untuk isteri dan anak-anak. Nafkah untuk isteri terdiri daripada nafkah zahir dan nafkah batin.

Di bawah undang-undang Islam, nafkah zahir yang asas dan wajib untuk isteri dan anak-anak ialah tempat tinggal, makan minum dan pakaian.

Timbalan Presiden Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM), Musa Awang berkata, undang-undang Syariah seluruh negeri di negara ini jelas memperuntukkan hak anak untuk mendapatkan nafkah tersebut.

Sebagai contoh, Seksyen 72 hingga 80, Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan 1984 (Akta 303) memperuntukkan dengan jelas berkaitan kewajipan menanggung nafkah anak, kuasa mahkamah memerintahkan nafkah anak, mengubah perintah mahkamah dan mengenai tempoh sesuatu perintah nafkah anak.

Musa berkata, sekiranya suami tidak menunaikan tanggungjawab, isteri boleh menuntut di mahkamah bagi mendapatkan perintah pelaksanaan supaya suami bayar.

“Walaupun isteri/ibu mampu menyediakan nafkah atau isteri lebih mampu daripada suaminya, ia masih bukan merupakan tanggungjawab isteri. Tanggungjawab memberikan nafkah masih terletak pada suami,” katanya kepada *Mingguan mStar*.

Musa memberitahu, sekiranya isteri ingin membuat tuntutan, mahkamah kena melihat pada elemen keperluan anak seperti berapakah perbelanjaan harian dan bulanan anak.

“Bagaimanapun, pihak yang menuntut kena mengemukakan misalnya resit perbelanjaan anak. Keduanya, mahkamah mempertimbangkan kemampuan suami membayar nafkah itu dan jumlah yang dituntut.

“Kalau dia berpendapatan tinggi, maka dia boleh membayar lebih

Prosedur tuntutan nafkah



MUSA AWANG

tinggi,” katanya.

Sementara itu, Musa berkata, perintah mahkamah yang sudah dikeluarkan kepada suami untuk membayar nafkah akan sah sehingga anak lelaki berumur 18 tahun manakala anak perempuan berkahwin atau bekerja sendiri.

Dalam kes-kes tertentu, tempoh pembayaran nafkah boleh dilanjutkan. Misalnya, anak cerdik yang melanjutkan pelajaran boleh memohon nafkah bagi membiayai pembelajaran di universiti sehingga ijazah sarjana muda.

Selain itu, ibu kepada anak istimewa yang menghadapi Sindrom Down atau kurang upaya boleh menuntut nafkah sepanjang hayat anak itu.

Beliau menambah, nafkah anak yang ditetapkan boleh dipinda dengan kelulusan mahkamah dari semasa ke semasa mengikut keperluan dan situasi semasa.

“Katakan nafkah sedia ada ialah RM500 sebulan. Ibu boleh mohon tambah nilai tersebut sekiranya keadaan menuntut perbelanjaan yang lebih tinggi.

“Di sebelah bapa pula, sekiranya dia tidak mampu kerana hilang pekerjaan atau sakit, maka dia boleh mohon dikurangkan,” jelasnya.

Hak-hak wanita Islam (selepas bercerai) di bawah Perundangan Syariah

(a) Mutaah

● Sejumlah harta di mana suami wajib memberi kepada bekas isterinya jika perceraian itu bukan berpunca daripada isteri dan bukan kematian suami.

● Ia mungkin terdiri daripada wang ringgit, pakaian, harta (rumah).

(b) Nafkah edah

● Nafkah yang perlu ditanggung oleh suami dalam tempoh edah isteri,

● Ia bergantung kepada bilangan talak. Bagi talak satu atau dua, nafkah edah adalah bagi tempoh tiga kali suci. Suami tidak perlu membayar edah sekiranya menjatuhkan talak tiga.

(c) Hadhanah (hak jagaan anak)

● Pemeliharaan anak lelaki atau perempuan yang masih kecil dan belum boleh berdikari.

● Ibu mendapat hak pemeliharaan anak lelaki bawah umur tujuh tahun dan anak perempuan bawah sembilan tahun.

(d) Nafkah anak

● Tempat tinggal, makan minum dan pakaian.

(e) Harta sepencarian

● Apa-apa harta yang diperolehi dalam tempoh perkahwinan sehingga tarikh perceraian boleh dituntut.

(f) Tunggakan hutang

● Isteri boleh membuat tuntutan hutang ke atas bekas suami jika bekas suami tidak membayar mas kahwin, tidak memberi saraan hidup ketika dalam tempoh perkahwinan, tunggakan nafkah anak dan sebagainya.

Perceraian Di Bawah Undang-Undang Civil Bagi Bukan Islam

“Seorang lelaki atau wanita boleh memohon perceraian di bawah Akta Memperbaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976”.

Syarat sebelum mengemukakan permohonan perceraian:

(a) Kedua-dua pihak mestilah tinggal dan akan terus tinggal di Malaysia

(b) Kedua-dua pihak mestilah telah berkahwin selama sekurang-kurangnya dua tahun;

(c) Perkahwinan itu mestilah didaftarkan, atau dianggap telah didaftarkan di bawah Akta Memperbaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976.

Perceraian Dipertikaikan dan Perceraian Bersama.

(1) Perceraian Dipertikaikan Satu pihak memfailkan permohonan perceraian kerana perkahwinan itu tidak boleh diselamatkan lagi, tanpa persetujuan pihak yang satu lagi.

Untuk membuktikan bahawa perkahwinan itu “tidak boleh diselamatkan lagi”, salah satu daripada berikut hendaklah dibuktikan:

(a) Penzinaan telah dilakukan oleh pasangan anda,

(b) Kedua-dua pihak telah berpisah selama dua tahun atau lebih,

(c) Anda telah ditinggalkan oleh pasangan anda selama dua tahun atau lebih,

(d) Pasangan anda berkelakuan tertentu yang menyebabkan mustahil bagi anda untuk terus tinggal bersamanya.

Tribunal Perkahwinan atau Badan Pendamaian:

Perceraian Dipertikaikan: Dapatkan Sijil daripada Tribunal

Perkahwinan atau Badan Perdamaian sebelum memfailkan permohonan perceraian. Untuk mendapatkan Sijil ini, anda dan suami anda hendaklah terlebih dahulu menghadiri sesi kaunseling di Tribunal Perkahwinan atau Badan Pendamaian.

Anda boleh mendapatkan borang untuk merujukkan perkahwinan anda kepada pihak Tribunal atau Badan Pendamaian dari Tribunal Perkahwinan itu sendiri. Selepas mengisi borang dan menyerahkannya, surat akan dihantar kepada anda dan suami anda meminta kedua-dua pihak datang ke Tribunal Perkahwinan atau Badan Pendamaian bagi tujuan kaunseling. Jika pihak Tribunal atau Badan Pendamaian tidak dapat menyatukan kedua-dua pihak dalam masa tiga hingga enam bulan, Sijil akan dikeluarkan.

Perceraian Bersama: Kedua-dua pihak bersetuju untuk bercerai. Kesemua syarat berkenaan hak penjagaan anak, akses kepada anak-anak, nafkah dan pembahagian harta perkongsian mestilah dipersetujui bersama. Kedua-dua pihak akan memfailkan petisyen bersama di mahkamah. Tidak perlu mendapatkan Sijil dari Tribunal Perkahwinan atau Badan Pendamaian. Proses perceraian jenis ini adalah lebih cepat dan murah.

Prosedur Perceraian

Secara amnya, anda perlu memfailkan permohonan perceraian atau petisyen di mahkamah. Dalam Perceraian Dipertikaikan, selepas memfailkan petisyen perceraian, anda terpaksa mematuhi prosedur tertentu. Mahkamah akan menetapkan tarikh untuk kes anda didengar di mahkamah. Anda dan suami mesti hadir untuk pendengaran kes ini.